

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: 05 Mac 2017 14:47
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Ahmad Hisham bin Zainal Abidin
Subject: JEMPUTAN MENYERTAI KARYA 12 ANJURAN ASTRO
Attachments: PIK (sample).pdf; Program Information Kit.docx



**Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan**
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia

5 MAC 2017 / 6 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum / Salam Sejahtera

Saudara/Saudari

JEMPUTAN MENYERTAI KARYA 12 ANJURAN ASTRO



SCIMPA ONLINE - Pada tahun ini, Astro sekali lagi akan meneruskan projek khas mereka dengan institusi pengajian tinggi yang menawarkan jurusan seni filem. Projek khas yang diberi nama Karya 12 bermula kali pertama pada tahun 2016 telah mendapat sambutan dan sokongan yang menggalakkan dari pihak universiti dan juga pihak industri terutama para pengarah filem yang ternama. UUM tidak ketinggalan dalam merebut peluang keemasan seperti ini di mana pada penganjuran tahun pertama, UUM telah diwakili oleh pelajar dari program Pengurusan Industri Kreatif, Wan Mohd Rafiq Shamsul Kamal dengan karya bertajuk 'Wau Kasih'. Karya Wan Mohd Rafiq berjaya mencuri perhatian pengarah Sabri Yunus dalam sesi pitching yang diadakan di Astro dan seterusnya mengarah telemovie tersebut di bawah didikan dan tunjuk ajar pengarah Sabri Yunus. 'Wau Kasih' telah ditayangkan di Astro Citra dan Mustika HD sekitar bulan April 2016.

Pada 28 Februari 2017, Pengurus Saluran Astro Citra, Amal Ziaq Nawawi telah hadir ke UUM untuk menyampaikan taklimat berkaitan Karya 12 untuk tahun 2017. Taklimat telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, SMMTC dan dihadiri oleh pensyarah dan wakil pelajar dari dua pusat pengajian iaitu SCIMPA dan SMMTC. Menurut Amal Ziaq, untuk tahun ini, 5 orang pengarah ternama tanahair akan berkolaborasi dalam projek ini dan masih cuba mendapatkan khidmat seorang pengarah muda yang telah memenangi banyak anugerah untuk melengkapkan 6 pengarah ternama yang diperlukan. Antara pengarah yang telah memberi persetujuan ialah Mamat Khalid, Ahmad Idham, Tunku Mona, Nik Amir dan Kabir Bhatia.

Dengan itu, SCIMPA ingin membuka peluang ini kepada pelajar UUM yang mempunyai minat dalam penulisan skrip dan pengarah filem untuk menghantar penyertaan menggunakan borang (PIK) seperti di lampiran. Sekiranya terpilih oleh pihak ASTRO, pelajar akan dibawa untuk menghadiri sesi pitching di ASTRO di hadapan pengarah yang telah dilantik.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin di talian 019-4881334 atau emel hishamza@uum.edu.my.

Sekian.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS : 04 - 928 6455



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.